**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 6**
**RUANGAN : NASIONAL**



*Tinjauan di klinik rawatan pesakit luar HKL mendapati setiap pesakit dipanggil dalam masa 30 minit untuk menjalani pemeriksaan awal.* (Foto Aswadi Alias/BH)



*Pesakit menunggu giliran untuk mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan Sungai Buloh, semalam.* (Foto Eizairi Shamsudin/BH)

# 'Doktor kontrak tidak mogok'

## Tinjauan dapati suasana tenang dengan kehadiran pesakit, tempoh rawatan seperti biasa

Oleh Mohamed Farid Noh, Essa Abu Yamin, Mohd Amin Jalil, Aizat Sharif dan Iffah Najwa
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Suasana di hospital kerajaan dan klinik kesihatan awam seluruh negara, dalam keadaan tenang dengan kehadiran ramai pesakit tampil mendapatkan rawatan serta perkhidmatan, di sebalik ura-ura kumpulan doktor kontrak mengadakan mogok semalam.

Tinjauan di Hospital Kuala Lumpur (HKL), Hospital Ampang, Klinik Kesihatan Kota Damansara dan Klinik Kesihatan Tangling di ibu kota, mendapati pesakit hadir seawal jam 7 pagi demi mendapatkan giliran terawal perkhidmatan termasuk bertemu pegawai perubatan.

Setiap pesakit dipanggil dalam masa 30 minit kehadiran mereka diambil untuk menjalani pemeriksaan awal, sebelum menanti giliran masing-masing bagi mendapatkan rawatan doktor.

Pesakit dilihat keluar dalam tempoh 90 minit selepas pemeriksaan mereka. Tempoh itu dianggap oleh ramai pesakit sebagai jangka masa yang lazim bagi mendapatkan pemeriksaan di kemudahan kesihatan kerajaan.

Sumber Hospital Kuala Lumpur (HKL) mengakui, kehadiran pesakit memang agak ramai dan memenuhi beberapa kaunter pendaftaran di situ tetapi situasi terbabit disifatkan perkara biasa pada setiap Isnin di situ.

"Berhubung isu mogok doktor kontrak, pengurusan HKL turut mengambil langkah berjaga-jaga bagi mengelak sebarang kejadian tidak diingini walaupun setakat ini tiada maklumat mengenai kejadian itu berlaku," katanya.



*Keadaan terkawal dan tiada kelihatan doktor kontrak berkumpul sekitar tinjauan di Hospital Sultanah Aminah (HSA), Johor Bahru, semalam.* (Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)

### Masih bimbang

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Dr Muruga Raj Rajathurai, berkata berdasarkan situasi di seluruh negara semalam, tiada mogok oleh doktor kontrak berlaku di mana-mana kemudahan kesihatan awam.

Katanya, walaupun situasi berlalu tanpa sebarang insiden mogok, namun orang ramai masih bimbang dengan jangkaan perbuatan itu mogok dan isu terbabit perlu ditangani.

"MMA menerima panggilan daripada orang ramai yang bertanyakan sama ada kemudahan penjagaan kesihatan awam beroperasi seperti biasa hari ini (semalam). Kami memberikan jaminan kepada mereka. ia sememangnya beroperasi.

"Kami berharap, Kementerian Kesihatan (KKM) melalui mesej yang lebih kerap diuar-uarkan menerusi kenyataan akhbar dan kemas kini di media sosial, untuk meredakan kebimbangan dan keyakinan orang ramai bahawa perkhidmatan kesihatan awam disediakan tanpa sebarang gangguan," katanya.

Dr Muruga Raj berkata, mesej mengenai isu mogok doktor kontrak yang menimbulkan panik dan ketakutan juga tersebar di media sosial dan keadaan itu perlu ditangani dengan mesej yang betul daripada pihak berkuasa.

"Kami menasihatkan orang ramai untuk mengesahkan maklumat yang mereka terima dan hanya mempercayai sumber yang boleh dipercayai untuk sebarang berita atau kemas kini," katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Sembilan, S Veerapan, berkata semua doktor kontrak di negeri itu, hadir bertugas mengikut jadual seperti biasa, membolehkan semua fasiliti kesihatan berjalan lancar seperti biasa.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan Johor, Ling Tian Soon, berkata bilangan doktor kontrak tidak bertugas atau bercuti di negeri itu semalam adalah terkawal dan pemantauan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab mendapati perkhidmatan klinik atau hospital berjalan lancar.

EXCO Kesihatan Negeri Perlis, Megat Hashirat Hassan, berkata walaupun tiada sebarang laporan mogok berlaku di negeri itu, namun pihaknya berharap isu doktor kontrak dapat diselesaikan secara rundingan dengan segera bagi memastikan pesakit tidak menjadi mangsa keadaan.

Pesakit yang tampil mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan (KK) Kota Damansara, Rosmin Abdullah, 57, berkata kerajaan perlu mengambil tindakan atau inisiatif menangani isu ini berkenaan dengan segera demi kepentingan awam.

"Mogok tidak akan berlaku sekiranya mereka dijadikan sebagai doktor tetap. Isu ini sudah berlarutan sejak beberapa tahun lalu dan masih tiada tindakan diambil," katanya.

# 'Kami akan buat laporan polis jika diugut'

**Kuala Lumpur:** Kumpulan Mogok Doktor Malaysia mengingatkan, semua pihak termasuk pegawai perubatan kanan di fasiliti kesihatan awam, supaya tidak mengugut mana-mana doktor kontrak yang mahu menyertai mogok selama tiga hari, bermula semalam.

Menerusi perkongsian di Instagram, kumpulan itu mendakwa ada doktor kanan mula menekan doktor kontrak supaya tidak terbabit tindakan itu yang dilancarkan mereka demi menuntut hak dilantik sebagai kakitangan tetap.

"Kami akan membuat laporan polis di seluruh negara terhadap mana-mana doktor pakar yang terbabit kes ugutan seperti ini.

"Tolong hantarkan nama kepada 'admin' (pentadbir Mogok Doktor Malaysia) dengan bukti *screenshot* (tangkap layar). Kami akan memastikan pakar perubatan terbabit dalam ugutan itu dikenakan hukuman setimpal," katanya.

Menerusi hantaran sama, pengendali akaun itu memuat naik tangkap layar kiriman mesej didakwa daripada seorang pakar perubatan yang melarang doktor kontrak mengambil cuti sakit dan cuti kecemasan atau berdepan tindakan oleh ketua bahagian.

Mogok Doktor Malaysia mendakwa di antara 10,000 hingga 12,000 petugas akan menyertai mogok itu secara tidak hadir bertugas selama tiga hari dengan mengambil cuti sakit atau kecemasan.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

Isu doktor kontrak

# 'Cari penyelesaian menang-menang'

## Ahmad Zahid akan pengerusikan jawatankuasa peringkat tertinggi

Oleh Fahmy A Rosli
dan Essa Abu Yamin
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi meminta, semua pihak memberi peluang kepada kerajaan mengusahakan penyelesaian isu doktor kontrak dalam usaha mencari keputusan muktamad menang-menang.

Timbalan Perdana Menteri mengakui, isu doktor kontrak perlu disantuni dan harus dibela dengan pembelaan yang mengikut tatacara dan skim perkhidmatan kerajaan.

Untuk tujuan itu, beliau akan mempengerusikan jawatankuasa peringkat tertinggi bagi menangani isu doktor kontrak dengan jaminan akan memuktamadkan keputusan bersifat 'tiada yang rugi, tiada yang rasa terpinggir'.

"Saya harap mereka memberi peluang kepada saya yang diberi kepercayaan untuk menyelesaikan dengan cara terdekat yang Insya-Allah tidak ada masalah yang tidak boleh kita bincang atau selesaikan.

"Bagi kita menyantuni doktor kontrak ini. Pada hemat saya, harus dibela dan pembelaan ini harus mengikut tatacara dan skim perkhidmatan kerajaan.

"Tentunya ada beberapa cadangan yang diperbincangkan untuk meletakkan mereka sebagai doktor bertaraf perkhidmatan tetap, selain beberapa syarat skim baharu akan diperbincangkan.

"Saya tahu masalah ini masalah lama, tetapi saya yakin ia boleh diselesaikan, Insya-Allah. Saya akan mengadakan perbincangan secara terperinci dan akan bertemu Perdana Menteri, bagi membincangkan keputusan muktamad dengan situasi menang-menang," katanya pada Majlis Santunan Kasih Ramadan anjuran Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) di PPR Semarak di sini, malam kelmarin.

Kelmarin, Jemaah Menteri bersetuju menubuhkan jawatankuasa peringkat tertinggi bagi menangani isu doktor kontrak yang belum ada penyelesaian tuntas.

### HDK tiada kaitan mogok

Kumpulan Hartal Doktor Kontrak (HDK) yang pernah terbabit dengan gerakan mogok pada 26 Julai 2021 berhubung isu sama, kali ini memaklumkan pihaknya bersama sekutu tiada kaitan dengan rancangan mogok terbaharu ini.

Sekretariat HDK dalam kenyataan berkata, pihaknya akan menyerahkan memorandum kepada Menteri Kesihatan, bagi menyertai jawatankuasa peringkat tinggi kerajaan yang baru dibentuk itu.

Katanya, ia adalah satu langkah yang betul untuk menyelesaikan pelbagai isu yang berkaitan doktor kontrak kerana ia membabitkan beberapa pegawai kementerian untuk mempercepatkan perbincangan dan analisis.



*Ahmad Zahid menyampaikan sumbangan pada Majlis Santunan Kasih Ramadan anjuran Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah di PPR Semarak, malam kelmarin.* (Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : MUKA SEPULUH

# Perkukuh kerjasama awam, swasta laksana saringan tibi lebih efisien

- Kini, negara berada dalam fasa peralihan ke endemik dan sektor kesihatan terpaksa berdepan beban kesihatan tertangguh ketika pandemik COVID-19 termasuk beban saringan tibi

- Pengukuhan kerjasama dan rakan kongsi bersama fasiliti kesihatan KKM dengan swasta sangat penting bagi memastikan saringan tibi dapat dijalankan secara menyeluruh



Pensyarah Perubatan Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Komuniti, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia

Oleh Dr Siti Aisah Mokhtar
bhrencana@bh.com.my

**Pada** tahun lalu, Malaysia melaporkan peningkatan kes tibi atau batuk kering sebanyak 17 peratus iaitu 78 kes bagi setiap 100,000 individu, manakala kematian akibat penyakit ini meningkat 12 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Namun, peningkatan ini masih rendah berbanding anggaran kes diunjur Pertubuhan Kesihatan Antarabangsa (WHO), iaitu 97 kes bagi setiap 100,000 individu.

Antara faktor menyumbang peningkatan tibi di Malaysia pada tahun lalu disebabkan susulan implikasi pandemik COVID-19. Pada 2020, negara mengalami penularan COVID-19, yang mana aktiviti dan sumber kesihatan awam lebih tertumpu untuk mengawal dan mengekang penularan pandemik ini.

Aktiviti saringan tibi dan penyakit lain terjejas menyebabkan kes dilaporkan juga rendah berbanding kes dilaporkan pada tahun sebelum ini.

Ketika berada dalam fasa peralihan ke endemik, peningkatan kes tibi mula dicatatkan. Ini menunjukkan aktiviti saringan tibi mula digiatkan seperti tahun sebelum pandemik dan lebih banyak kes mula dikesan sama seperti tahun sebelum berlakunya pandemik.

Selain itu, ketika pandemik, Malaysia menjalankan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan bukan sahaja aktiviti saringan berkurangan, malah aktiviti rawatan pesakit tibi juga dikurangkan.

Ini disebabkan aktiviti dan sumber kesihatan lebih tertumpu kepada saringan dan rawatan COVID-19 ketika itu, manakala ketika PKP, masyarakat diarahkan tidak keluar rumah bagi mengawal penularan COVID-19.

Apabila memasuki pasca pandemik, lebih banyak kes tibi mula dikesan seterusnya menyumbang kepada peningkatan kes itu di seluruh negara.

Kini, negara berada dalam fasa peralihan ke endemik dan sektor kesihatan terpaksa perlu berdepan dengan beban kesihatan tertangguh ketika pandemik termasuk beban saringan tibi.

Saringan tibi mula dipergiatkan Kementerian Kesihatan (KKM) bagi mengesan pesakit tidak dikesan pada tahun sebelum ini. Bagaimanapun, jumlah kes dilaporkan masih rendah berbanding jangkaan WHO. Ini menunjukkan bilangan saringan masih belum mencukupi bagi mencapai unjuran kes dianggarkan WHO.

Sebelum ini, saringan kes tibi lebih bertumpu kepada individu bergejala, kontak rapat dan mereka yang berada dalam kumpulan risiko tinggi seperti pekerja asing, warga emas dan individu mempunyai penyakit kronik. Maka, aktiviti saringan ini terutama bagi golongan berisiko tinggi perlu dipertingkatkan lagi dalam tempoh ini.

Penggunaan teknologi seperti Sistem Maklumat Geografi (GIS) sangat membantu bagi saringan tibi ini. Dengan mengenal pasti kawasan titik panas, aktiviti saringan akan dapat dijalankan lebih fokus di kawasan terbabit.

Aktiviti kesedaran terhadap tibi, kemudahan saringan dan rawatan akan lebih berfokus bagi memastikan setiap individu berisiko tinggi mendapat tibi dapat disaring dengan lebih proaktif dan efektif di kawasan dikenal pasti.

Penggunaan aplikasi kesihatan seperti MySejahtera yang pernah digunakan ketika pandemik COVID-19 juga wajar dimanfaatkan bagi membantu mempertingkatkan saringan tibi.

> "Peningkatan program kesedaran mengenai tibi dalam kalangan masyarakat juga perlu diperkukuhkan"

Aplikasi sebegini boleh mengenal pasti status *hotspot* kawasan tempat tinggal mereka dan mengenal pasti kawasan saringan tibi terhampir dengan mereka bagi pemeriksaan lebih lanjut.

Selain itu, amaran boleh dihantar sekiranya individu memasuki kawasan *hotspot* dan apakah langkah keselamatan boleh diambil bagi mengelakkan daripada dijangkiti tibi.

Pengukuhan kerjasama dan rakan kongsi bersama fasiliti kesihatan swasta sangat penting bagi memastikan saringan tibi dapat dijalankan secara menyeluruh.

**Pelan strategik saringan pasca pandemik**

Hakikatnya, kerjasama ini sudah wujud sebelum pandemik lagi, bagaimanapun ketika ini ia perlu diperkukuhkan dan sesi perbincangan bersama fasiliti swasta perlu diadakan bagi memastikan setiap agensi dapat memahami sepenuhnya pelan strategi saringan tibi pasca pandemik.

Ini adalah antara satu langkah sangat penting, memandangkan pasca pandemik, banyak beban kesihatan tertangguh perlu diselesaikan sektor kesihatan awam.

Dengan adanya kolaborasi sebegini, beban sektor kesihatan awam dapat dikongsi bersama fasiliti swasta dan pada masa sama, saringan tibi dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

Kerjasama antara agensi kerajaan seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Imigresen dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat turut penting dalam usaha mengurangkan kes tibi.

Agensi terbabit boleh terbabit sama dengan KKM dalam program promosi kesihatan memfokuskan kepada penduduk berisiko tinggi dan di kawasan luar bandar.

Program kesihatan dan saringan tibi bersasar boleh dijalankan bersepadu dengan agensi terbabit supaya saringan dapat dijalankan lebih menyeluruh dan sampai kepada setiap komuniti.

Peningkatan program kesedaran mengenai tibi dalam kalangan masyarakat juga perlu diperkukuhkan. Sebelum ini, ramai menganggap tibi adalah penyakit lama dan tidak penting seperti penyakit lain.

Namun, tanggapan ini amat salah. Walaupun tibi boleh dirawat, kesungguhan menjalani rawatan adalah amat penting. Pesakit patuh pada rawatan perlu melengkapkan tempoh enam bulan rawatan susulan untuk mengelakkan komplikasi tibi rintang ubat, yang kini menjadi ancaman utama rawatan penyakit ini.

Masyarakat perlu sedar saringan tibi sangat penting supaya mereka yang terkena penyakit ini dapat menerima rawatan awal dan paling penting dapat mencegah penularan penyakit dalam komuniti.

Program kesedaran penyakit tibi masih perlu disebarkan secara meluas supaya semua orang dalam komuniti memahami kepentingan menangani penyakit ini. Jika kita mampu melakukannya untuk COVID-19, kita juga boleh melakukannya pada tibi.

Dalam hal ini, kerajaan perlu menjadikan penyakit tibi sebagai satu daripada keutamaan negara. Usaha meningkatkan saringan tibi memerlukan sumber lebih banyak, termasuk kewangan, sumber manusia, makmal dan alat uji saringan.

Jika saringan tibi dalam masyarakat tidak efisien, penularan penyakit ini akan menjadi lebih mudah dan cepat. Individu terkena jangkitan tibi akan mudah mengalami komplikasi kesihatan, tidak dapat hadir ke tempat kerja, meningkatkan kos kesihatan negara dan akhirnya memberi impak negatif kepada ekonomi negara.

Untuk memerangi penyakit ini, ia memerlukan komitmen dan usaha bersama setiap agensi sama ada di sektor awam dan swasta. Dengan penggunaan teknologi dan kerjasama pintar dengan agensi lain, kita mampu mengawal penyebaran penyakit ini di negara kita.

**Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH**

Sidang Redaksi

Pengarang Kumpulan
DATUK AHMAD ZAINI KAMARUZZAMAN
madzaini@mediaprima.com.my

Timbalan Pengarang Kumpulan
M THILLINADAN
thilly@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Pengeluaran
AZHAR A SAMAH
azharas@bh.com.my

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 19
RUANGAN : LOKAL



PESAKIT menunggu giliran untuk berurusan dengan kaunter perubatan di Hospital Serdang, semalam. - Gambar NSTP/AIZUDDIN SAAD

## Operasi HSA berjalan seperti biasa

**Johor Bahru:** Hospital Sultanah Aminah (HSA) di sini, beroperasi seperti biasa walaupun doktor kontrak dilaporkan merancang melakukan mogok selama tiga hari di seluruh negara bermula semalam.

Tinjauan di HSA mendapati keadaan terkawal dan aman dengan operasi hospital berjalan seperti biasa.

Urusan pesakit di kaunter lobi HSA juga dilihat berjalan lancar dengan pesakit yang hadir keluar dan masuk seperti biasa.

Beberapa anggota polis dilihat melakukan pemantauan di sekitar kawasan hospital berkenaan bermula jam 11 pagi.

Beberapa pesakit yang mendapatkan rawatan pesakit luar di poliklinik HSA untuk temujanji bertemu doktor mengakui waktu menunggu semalam lebih lama berbanding sebelum ini.

**Doktor kontrak rancang melakukan mogok selama tiga hari di seluruh negara**

Pekerja swasta yang mahu dikenali sebagai Ahmad Zain, berkata beliau yang membawa anak perempuan hamil untuk menjalani pemeriksaan rutin sudah menunggu lebih dua jam untuk bertemu doktor.

"Saya dan anak biasanya datang jam 8.30 pagi dengan urusan pemeriksaan selesai jam 10 atau 10.30 pagi.

"Namun hari ini (semalam), sudah jam 11.30 pagi pun anak masih belum dipanggil bertemu doktor," katanya ketika ditemui.

Doktor kontrak merancang melakukan mogok selama tiga hari di seluruh negara bermula semalam susulan dikatakan kecewa dan tertekan dengan sistem penjagaan kesihatan negara.

Kumpulan doktor kontrak itu juga dilaporkan tidak berganjak daripada keputusan mereka untuk meneruskan tindakan itu walaupun dinasihatkan KKM untuk tidak berbuat demikian.

## Kemudahan kesihatan di Perlis terkawal

**Kangar:** Tiada sebarang demonstrasi Mogok Doktor Kontrak berlaku di kemudahan kesihatan di Perlis, semalam.

Mogok yang dijadualkan berlangsung seluruh negara bermula semalam sehingga Rabu ini juga didapati tidak menjejaskan operasi di kesemua kemudahan kesihatan seperti hospital dan klinik kesihatan di negeri itu.

Tinjauan di Hospital Tuanku Fauziah (HTF) sehingga jam 1 tengah hari, mendapati operasi perkhidmatan pesakit masih berjalan seperti biasa dan tidak berdepan sebarang gangguan.

Selain itu juga, pengawal keselamatan yang bertugas di hospital itu juga dilihat turut mengetatkan kawalan dengan melakukan rondaan secara kerap di sekitar kawasan hospital terbabit.

Malah, operasi di klinik kesihatan daerah juga turut berjalan seperti biasa dan pelanggan dan pesakit dilihat terus mendapatkan rawatan tanpa sebarang kekangan.

Difahamkan, mogok yang dijangka berlangsung kali ini juga agak berbeza dari hartal yang berlangsung pada tahun lalu di mana ia lebih bersifat dalaman tanpa ada sebarang demonstrasi aman.

Selain itu juga, tidak berlaku sebarang protes besar-besaran seperti doktor kontrak bertindak mengambil cuti kecemasan (MC) menyokong mogok yang dianjurkan itu.

## Isu perlu segera ditangani KKM

**Kuala Lumpur:** Orang ramai resah dan bimbang dengan operasi di kemudahan kesihatan awam seluruh negara susulan doktor kontrak merancang mengadakan mogok selama tiga hari bermula semalam.

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Dr Muruga Raj Rajathurai berkata sehubungan itu isu ketakutan orang ramai berikutan jangkaan situasi mogok terjadi perlu ditangani Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Katanya, setakat ini semakan dibuat MMA mendapati tiada mogok doktor kontrak di mana-mana kemudahan kesihatan awam di seluruh negara.

"MMA menerima panggilan daripada orang ramai bertanyakan sama ada kemudahan kesihatan awam beroperasi seperti biasa hari ini dan kami memberikan jaminan kepada mereka bahawa ia sememangnya beroperasi.

"Tetapi kami berharap, Kementerian Kesihatan mengeluarkan mesej yang lebih kerap menerusi kenyataan akhbar dan kemas kini media sosial.

"Ini akan meredakan ketakutan itu dan meyakinkan orang ramai bahawa semua perkhidmatan kesihatan awam disediakan tanpa sebarang gangguan," katanya.

Menurutnya, mesej mengenai isu mogok doktor kontrak yang menimbulkan panik dan ketakutan juga tersebar di media sosial dan ia juga perlu dibalas dengan mesej yang betul daripada pihak berkuasa.



DR Muruga

"Kami menasihatkan orang ramai untuk mendapat maklumat yang sah dari sumber yang boleh dipercayai sahaja," katanya.

Kelmarin media melaporkan kumpulan doktor kontrak merancang untuk mengadakan mogok selama tiga hari bermula semalam.

Jurucakap kumpulan itu yang dikenali sebagai Mogok Doktor Malaysia di Instagram, mendakwa seramai 10,000 hingga 12,000 petugas kesihatan akan menyertai mogok berkenaan.

Katanya, mereka tidak akan hadir bertugas selama tiga hari dengan mengambil cuti sakit atau cuti kecemasan.

MOGOK DOKTOR KONTRAK

# Hartal Doktor tidak terbabit

Oleh Essa Abu Yamin
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Sekretariat Hartal Doktor Kontrak tidak terbabit dan tiada sebarang pengaruh secara langsung atau tidak langsung dalam Mogok Doktor Kontrak yang diadakan bermula semalam sehingga Rabu ini.

Sekretariat Hartal Doktor Kontrak dalam satu kenyataan berkata, pihaknya telah menjelaskan pendirian itu kepada Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa, Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan media sebelum ini dan tetap dengan pendirian berkenaan.

"Walaupun kami tidak terbabit, kami percaya mereka ada hak untuk membantah dan menyerahkan keadaan bantahan kepada mereka.

"Kami berharap penjagaan pesakit tidak terjejas dan perkhidmatan penjagaan kesihatan dapat disambung semula selepas bantahan selesai," katanya.

Dalam kenyataan berkenaan, Dr Zaliha baru-baru ini ada membincangkan mengenai jawatankuasa peringkat tinggi yang baharu untuk menangani masalah doktor kontrak.

"Kami percaya ia salah satu langkah yang betul untuk dilaksanakan memandangkan ia membabitkan beberapa pegawai kementerian bagi mempercepatkan perbincangan dan analisis.

"Bagaimanapun, kami menggesa Dr Zalina untuk memasukkan Hartal Doktor Kontrak sebagai ahli jawatankuasa bagi mewakili doktor kontrak yang sewajarnya dalam jawatankuasa berkenaan," katanya.

Katanya, tanpa perwakilan yang sepatutnya, jawatankuasa tidak akan cukup berkesan bagi menyelesaikan sesuatu isu dan akan sama seperti beberapa jawatankuasa terdahulu yang meneliti isu terbabit.

"Langkah seterusnya ialah menubuhkan suruhanjaya penjagaan kesihatan negara yang akan menyelia, memutuskan dan menambah baik perkhidmatan penjagaan kesihatan di dalam negara.

"Kami akan bekerjasama dengan menteri kesihatan dan menteri lain untuk mempercepatkan proses berkenaan," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

# OPERASI LANCAR DI SEBALIK MOGOK DOKTOR

## Pesakit desak doktor kontrak, Kementerian Kesihatan segera cari penyelesaian 'menang-menang'

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB, SITI A'ISYAH SUKAIMI, NIK NUR IMAN WAHYU, SAFINA RAMLI, JAMLIAH ABDULLAH dan KHAIRUL MOHD. ALI

**PETALING JAYA –** Mogok Doktor Malaysia di seluruh negara yang bermula semalam tidak menjejaskan pengoperasian hospital dan klinik kerajaan secara keseluruhannya, namun tetap mencetuskan rasa kecewa dalam kalangan pesakit.

Rata-rata pesakit yang ditemui mengakui, tindakan mogok yang berlangsung sehingga esok itu sepatutnya tidak berlaku kerana yang menerima tempiasnya adalah orang awam yang ingin mendapatkan rawatan.

Menurut mereka, kemelut doktor kontrak dengan Kementerian Kesihatan sebenarnya telah lama berlaku, namun sehingga kini tiada sebarang penyelesaian terbaik yang mampu memberi 'kemenangan' kepada kedua-dua pihak.

BERSAMBUNG DI MUKA 2

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NEGARA

# Operasi lancar di sebalik mogok doktor

DARI MUKA 1




**SUASANA di Lobi Utama, Hospital Kuala Lumpur (HKL) yang dikunjungi pesakit masih berada dalam keadaan terkawal dan beroperasi seperti biasa walaupun wujud mogok doktor di seluruh negara.** – AMIR KHALID

Di **Pulau Pinang**, beberapa pesakit yang mendapatkan rawatan di Hospital Pulau Pinang di sini, meluahkan rasa kesal mereka apabila terpaksa menunggu lebih lama untuk berjumpa doktor yang didakwa berpunca daripada tindakan mogok berkenaan.

Seorang pesakit dikenali Ahmad, 30-an, berkata, dia tidak menyangka perlu menunggu lebih dua jam untuk mendapatkan rawatan mencuci luka di klinik pembedahan plastik dan rekonstruktif hospital berkenaan.

"Minggu lalu, saya hanya perlu menunggu selama 30 minit untuk rawatan cuci luka, tetapi hari ini (semalam), saya sampai pukul 8 pagi dan pukul 10 pagi baru boleh jumpa doktor.

"Pesakit juga tidak dimaklumkan mengapa mereka terpaksa menunggu lama untuk mendapatkan rawatan.

"Saya ada terdengar perbualan dalam kalangan pesakit mengenai doktor kontrak yang melancarkan mogok, namun pihak hospital tidak memberi apa-apa penjelasan," katanya.

Di **Klang, Selangor,** situasi sama turut berlaku di Hospital Tengku Ampuan Rahimah di sini apabila berlaku kelewatan untuk mendapatkan rawatan.

Aizul Farhan Abdul Halim, 29, berkata, jumlah pesakit yang ramai menyebabkan tempoh menunggu bertambah seperti yang dialami bapa saudaranya yang berusia 70 tahun ketika mahu membuat pemeriksaan pengesahan kanser kolon.

"Kalau mogok ini berterusan, boleh lumpuh sektor kesihatan. Orang ramai pun tak sanggup tunggu terlalu lama.

"Bagi saya, itu hak mereka (doktor kontrak) untuk buat tuntutan, tetapi lebih baik gunakan saluran yang betul bagi mewujudkan situasi 'menang-menang'," katanya.

Pandangan sama disuarakan S. Selvameoney, 73, yang mengakui orang ramai masih bergantung sepenuhnya kepada hospital kerajaan berbanding pergi ke hospital swasta.

"Situasi sebegini hanya menganiaya pesakit. Kalau doktor 'bergaduh' dengan kerajaan, kami yang ada penyakit mahu bergantung kepada siapa," jelasnya.

Dalam pada itu, tinjauan di beberapa buah hospital termasuk di Hospital Kuala Lumpur (HKL) mendapati proses rawatan berjalan seperti biasa di sebalik tindakan mogok.

Seorang pesakit dikenali Eddy, 50, berkata, tidak salah mogok itu dilakukan asalkan tidak mengganggu operasi perkhidmatan kesihatan awam negara.

"Mereka mungkin mahu menyampaikan sesuatu yang tidak diambil tindakan oleh kerajaan.

"Saya berharap isu doktor kontrak ini dapat diselesaikan segera," katanya.

Seorang lagi pengunjung, Yassin Mohamad, 47, berkata, dia datang ke HKL untuk menghantar anaknya bagi mendapatkan rawatan dan semuanya berjalan lancar tanpa sebarang masalah.

"Apa pun yang berlaku, kepentingan awam dan pesakit perlu diutamakan. Jangan ada yang menjadi mangsa," ujarnya.

Di **Alor Star, Kedah**, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Kedah tidak mengesan sebarang tindakan mogok dalam kalangan doktor kontrak di seluruh hospital dan klinik kesihatan negeri ini.

Pengarah Kesihatan negeri, Dr. Othman Warijo berkata, setakat ini pihaknya tidak menerima laporan doktor kontrak yang mengambil cuti sakit atau cuti kecemasan serentak ekoran tindakan mogok berkenaan.

"Setakat ini tidak ada laporan atau tindakan yang luar biasa di hospital dan klinik kesihatan di seluruh negeri.

"Begitu juga tiada perhimpunan atau poster-poster berkaitan mogok ini dikesan di semua hospital atau klinik kesihatan. Apa yang saya boleh katakan, semua masih terkawal," katanya.

Terdahulu, Mogok Doktor Malaysia dilancarkan selama tiga hari susulan rasa tertekan dan tidak puas hati doktor kontrak di seluruh negara berhubung sistem penjagaan kesihatan negara termasuk isu penyerapan ke jawatan tetap dan bebanan tugas yang terlalu tinggi.

# 'Mereka ada hak untuk bersuara, tuntut keadilan'

**JOHOR BAHRU** – Seramai 10,000 doktor kontrak di negara mempunyai hak untuk membuat mogok bagi menuntut keadilan buat pihak mereka.

Ahli Parlimen Pasir Gudang, Hassan Abdul Karim berkata, tindakan mogok itu merupakan salah satu daripada hak asasi bagi setiap individu di sebuah negara merdeka.

Katanya, Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan turut menjamin kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan.

"Sehubungan itu, saya memohon agar Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim campur tangan dengan jaminan untuk menyelesaikan masalah mereka secepat mungkin.

"Langkah itu dapat mengelakkan mogok dilancarkan yang dibimbangkan akan melumpuhkan operasi di hospital-hospital awam negara ini," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Hassan yang juga bekas Pengerusi PKR Johor berkata, Perdana Menteri perlu mendengar protes kumpulan berkenaan yang mendakwa wujud amalan diskriminasi dan penindasan ke atas doktor-doktor kontrak.

"Saya juga menyeru Perdana Menteri supaya menasihati Kementerian Kesihatan agar tidak mengugut doktor-doktor kontrak tersebut dengan tindakan disiplin dan tatatertib di bawah Public Officers ( Conduct and Discipline) Regulation 1993.

"Ini kerana tindakan diambil doktor-doktor kontrak itu adalah kerana mereka kecewa dengan isu lantikan ke jawatan tetap yang belum diselesaikan meskipun sudah berlanjutan selama tujuh tahun," jelasnya.




**RIBUAN doktor kontrak di seluruh negara mahu hak dan kebajikan mereka didengari oleh kerajaan.**

Kelmarin, media melaporkan kira-kira 10,000 doktor kontrak akan melancarkan mogok bermula esok kerana tidak lagi percaya dengan kepimpinan Kementerian Kesihatan (KKM) dalam menjaga hak mereka.

"Tujuan kami lakukan mogok ini adalah untuk menunjukkan kepentingan doktor dalam KKM. Jangan guna kami lepas itu 'lempar' begitu sahaja.

"Doktor kontrak ni sekarang ibarat tisu pakai buang, semasa Covid-19 melanda, kami yang bermandi peluh, malah ada meninggal dunia tetapi sekarang dibuat macam sampah, hak-hak kami tidak didengari," jelas wakil kumpulan itu.

**AKHBAR : KOSMO**
**MUKA SURAT : 3**
**RUANGAN : NEGARA**



**KEADAAN di lobi utama Hospital Kuala Lumpur yang dipenuhi pesakit, namun masih terkawal dan beroperasi seperti biasa ketika tinjauan di fasiliti kesihatan itu semalam.** – AMIR KHALID

## Mahu ambil bahagian atasi isu kontrak

# Tiada kaitan Hartal Doktor Kontrak

**PETALING JAYA** – Sekretariat Hartal Doktor Kontrak tidak terbabit dan tiada sebarang pengaruh secara langsung atau tidak langsung dalam mogok doktor kontrak yang diadakan selama tiga hari bermula semalam.

Sekretariat itu dalam satu kenyataan berkata, pihaknya telah menjelaskan pendirian itu kepada Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa; Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan pihak media sebelum ini dan akan tetap dengan pendirian tersebut.

"Walaupun kami tidak terlibat, namun kami percaya mereka (doktor kontrak) ada hak untuk membantah dan menyerahkan keadaan bantahan kepada mereka.

"Kami berharap penjagaan pesakit tidak terjejas dan perkhidmatan penjagaan kesihatan dapat disambung semula selepas bantahan selesai," katanya di sini semalam.

Dalam kenyataan tersebut, Dr. Zaliha baru-baru ini ada membincangkan mengenai jawatankuasa peringkat tinggi yang baharu untuk menangani masalah melibatkan doktor kontrak.

"Kami percaya ia adalah salah satu langkah yang tepat untuk dilaksanakan memandangkan ia membabitkan beberapa pegawai kementerian bagi mempercepatkan perbincangan dan analisis.

"Bagaimanapun, kami menggesa Dr. Zalina untuk memasukkan Hartal Doktor Kontrak sebagai ahli jawatankuasa bagi mewakili doktor kontrak yang sewajarnya dalam jawatankuasa berkenaan," katanya.

Jelas kenyataan itu, tanpa perwakilan yang sepatutnya, jawatankuasa tidak akan cukup berkesan dalam menyelesaikan sesuatu isu dan akan sama seperti beberapa jawatankuasa terdahulu yang meneliti isu terbabit.

"Langkah seterusnya ialah menubuhkan suruhanjaya penjagaan kesihatan negara yang akan menyelia, memutuskan dan menambah baik perkhidmatan penjagaan kesihatan di dalam negara.

"Kami akan bekerjasama dengan menteri kesihatan dan menteri lain untuk mempercepatkan proses berkenaan," tambah kenyataan itu.

Sementara itu, **di Johor Bahru**, kira-kira 1,880 pegawai perubatan kontrak Gred UD41 dan UD43 yang bertugas di 24 fasiliti kesihatan di seluruh Johor tidak menyertai mogok berkenaan semalam.

Perkara itu disahkan Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan Johor, Ling Tian Soon yang memberitahu, tinjauan pihaknya mendapati perkhidmatan kesihatan awam di Johor berjalan lancar seperti biasa semalam.

"Tidak berlaku kesesakan luar biasa di hospital dan bilangan pegawai perubatan yang tidak hadir bertugas kerana bercuti adalah terkawal. Terdapat 1,880 pegawai perubatan kontrak Gred UD41 dan UD43 yang bertugas di klinik kesihatan dan 12 hospital di Johor," katanya.

Sehubungan itu, Tian Soon memberitahu, Ketua Pusat Tanggungjawab akan meneruskan pemantauan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada pesakit sama ada di klinik atau hospital berjalan lancar.

Dalam pada itu, beliau memohon agar Kabinet mewujudkan Jawatankuasa Peringkat Tertinggi yang menggabungkan beberapa kementerian dan agensi termasuk bagi menangani isu doktor kontrak tersebut dengan segera.

"Walaupun isu doktor kontrak bukan di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, sebagai wakil kerajaan saya terbuka mendengar rintihan mereka supaya dapat menyampaikan hasrat kepada kementerian.

"Kita sama-sama boleh berusaha bagi menyelesaikan isu dan tuntutan dibuat doktor kontrak ini dengan sebaik-baiknya," ujarnya.

**AKHBAR : KOSMO**
**MUKA SURAT : 16**
**RUANGAN : NEGARA**

# Ayam percik, ayam golek bazar Ramadan berbau 'bangkai'





**INILAH ayam golek yang didakwa berbau busuk oleh seorang pembeli di bazar Ramadan di Rompin.**

**TEMERLOH** – Selepas karipap dan sosej tercemar, kini juadah ayam percik serta ayam golek busuk pula didakwa dijual peniaga.

Dalam kejadian terbaharu di sebuah bazar Ramadan di sini, seorang pengguna dikenali sebagai Mohamad Basri Izan berkata, dia tidak menyangka ayam percik dibelinya pada pukul 6.30 petang untuk berbuka puasa berbau 'bangkai'.

Dia kecewa kerana juadah berkenaan dibeli selepas ibunya teringin untuk makan ayam percik.

"Masa hendak berbuka puasa, buka plastik bau bangkai satu rumah sebab ayam busuk. Saya tidak berkira harganya RM12, tetapi kecewa tak boleh makan.

"Pihak berkenaan tolong peka, kalau nak *test* makan, ayam percik ini ada lagi, niaga biar jujur," katanya dalam hantaran di akaun Facebooknya semalam.

Seorang lagi pengguna, Nur Aini Rasidi dalam akaun Facebooknya berkata, dia turut 'terkena' selepas membeli seekor ayam golek di sebuah bazar Ramadan di Rompin.

Katanya, dia dan keluarganya yang mahu menjamah ayam berkenaan terkejut kerana juadah berkenaan berbau busuk.

"Saya tidak pulangkan semula ayam berkenaan kepada peniaga terbabit kerana rumah saya agak jauh dan berharap kejadian berkenaan tidak berulang lagi," ujarnya.

Bagaimanapun, Nur Aini berkata, peniaga terbabit sudah meminta maaf dan membayar ganti rugi selain tidak mahu memanjangkan isu berkenaan.

Sementara itu, Pengarah Kesihatan Negeri Pahang, Datuk Dr. Nor Azimi Yunus berkata, pihaknya mengambil perhatian tentang isu berkenaan dan ia kini dalam siasatan pihaknya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

# Doktor kontrak bekerja seperti biasa

## Tiada kes mogok dilaporkan di kebanyakan hospital kerajaan

**SHAH ALAM**

Operasi kesihatan di kebanyakan hospital kerajaan di seluruh negara berjalan lancar meskipun dilaporkan kumpulan doktor kontrak merancang mengadakan mogok bermula pada Isnin.

Di Hospital Selayang, **SELANGOR** setakat jam 10 pagi mendapati tidak kelihatan sebarang notis atau pengumuman gangguan disebabkan masalah kekurangan pegawai perubatan.

LAPORAN MUKA DEPAN

Selain itu, beberapa orang awam yang ditemui turut mengakui tidak berdepan sebarang masalah bagi mendapatkan perkhidmatan perubatan di sana.

Seorang pesara, Azizi Bujang, 62, urusan isteri yang menjalani ujian darah pada hari berkenaan mengikut jadual ditetapkan.

"Saya datang pada jam 7.15 pagi dan selesai urusan jam 10 pagi," katanya.

Sementara itu di Hospital Tuanku Jaafar (HTJ), Seremban, **NEGERI SEMBILAN**, keadaan terkawal walaupun kehadiran ramai pesakit mendapatkan rawatan sejak awal pagi.

Exco Kesihatan Negeri Sembilan, S Veerapan berkata, pihaknya difahamkan keseluruhan operasi di hospital kerajaan di Negeri Sembilan berjalan seperti biasa.

"Setakat ini tiada yang mengambil tindakan melakukan mogok sehingga mengganggu operasi hospital," katanya.



Keadaan terkawal di Hospital Selayang tanpa mogok yang dirancang dijalankan doktor kontrak pada Isnin sehingga Rabu.

Di **TERENGGANU**, Pengarah Kesihatan Negeri, Datuk Dr Kasemani Embong berkata, perkhidmatan kesihatan di enam hospital dan klinik kesihatan di Terengganu berjalan lancar.

"Kebanyakan mereka hadir bekerja seperti biasa.

"Saya harap situasi ini akan berterusan untuk tempoh dua hari lagi," katanya.



AZIZI

Di **KEDAH**, Pengarah Kesihatan Negeri, Dr Othman Warijo berkata, semua kakitangan hospital dan klinik kesihatan bertugas seperti biasa termasuk temu janji dan rawatan kepada pesakit berjalan lancar mengikut jadual.

"Tiada laporan perhimpunan atau cuti berkelompok berlaku di manamana hospital atau klinik kesihatan di negeri ini," katanya.

Di **PERAK**, operasi kesihatan di Hospital Batu Gajah dilihat berjalan lancar.

Seorang kakitangan yang enggan dikenali berkata, semua doktor dan kakitangan bertaraf kontrak melaksanakan tanggungjawab mengikut jadual ditetapkan.

"Walaupun mereka kecewa dengan isu ini, mereka tetap laksanakan tanggungjawab yang diberikan," katanya.

Di **JOHOR**, Exco Kesihatan dan Perpaduan negeri, Ling Tian Soon berterima kasih kepada doktor kontrak di Johor kerana tidak melibatkan diri dalam rancangan mogok.

"Segala permasalahan pasti ada solusinya kerana mengadakan mogok bukanlah solusi terbaik.

"Walaupun perkara ini bukan di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, sebagai wakil kerajaan saya terbuka mendengar rintihan doktor kontrak untuk disampaikan kepada kementerian," katanya.

## Jadikan Hartal Doktor Kontrak dalam Jawatankuasa Peringkat Tinggi




Kenyataan media Hartal Doktor Kontrak pada Isnin.

**SHAH ALAM -** Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa digesa memasukkan Hartal Doktor Kontrak sebagai ahli dalam Jawatankuasa Peringkat Tinggi bagi mewakili para doktor kontrak di negara ini.

Sekretariat Hartal Doktor Kontrak berkata, tanpa perwakilan daripada pihak yang betul, usaha jawatankuasa tersebut dalam menyelesaikan isu doktor kontrak itu tidak akan memberi sebarang impak, sebaliknya sama seperti dilakukan oleh jawatankuasa lain sebelum ini.

"Dr Zaliha baru-baru ini bercakap tentang Jawatankuasa Peringkat Tinggi baharu untuk dibincangkan mengenai nasib doktor kontrak. Kami percaya ia adalah salah satu langkah yang betul untuk dilakukan memandangkan ia melibatkan beberapa pegawai kementerian untuk mempercepatkan perbincangan dan analisis.

"Langkah seterusnya ialah menubuhkan suruhanjaya penjagaan kesihatan negara yang akan menyelia, memutuskan dan menambah baik perkhidmatan penjagaan kesihatan negara kita.

"Kami akan bekerjasama dengan Dr Zaliha dan menteri lain untuk mempercepatkan proses ini," kata kenyataan itu pada Isnin.

Pada Sabtu, Dr Zaliha dilaporkan berkata, kabinet bersetuju menubuhkan sebuah Jawatankuasa Peringkat Tertinggi melibatkan beberapa kementerian dan agensi bagi menangani isu berkaitan doktor kontrak.

Menurut kenyataan tersebut lagi, meskipun Hartal Doktor Kontrak tidak terlibat dalam mogok yang dijadual berlangsung selama tiga hari bermula semalam hingga esok, namun mengakui doktor kontrak mempunyai hak untuk bersuara dan mengadakan protes.

## Doktor kontrak di Kelantan sokong tanpa mogok

**KOTA BHARU -** Doktor-doktor kontrak di Kelantan menyokong kesemua tuntutan Mogok Doktor Malaysia kepada kerajaan tetapi tidak melakukan sebarang tunjuk perasaan kerana beranggapan tindakan itu bukan langkah profesional.

Dua doktor kontrak wanita yang ditemui berpandangan, langkah terbaik ialah dengan mengadakan perbincangan bersama pihak berkaitan bagi mengatasi isu berbangkit.

Doktor kontrak yang hanya mahu dikenali sebagai Dr Azi, 28, mengakui terbeban berikutan waktu kerja yang panjang dengan bayaran sedikit namun lebih memikirkan keutamaan dan kepentingan pesakit.

"Saya 'on call' sejak 8 malam tadi sampai sekarang belum tidur (jam 12 tengah hari). Dengan bayaran RM10 sejam, kerja doktor kontrak memang tertekan sebab kepenatan.

"Nak tak nak kena hadap sebab kasihan kepada masyarakat. Kalau pergi ke swasta kos rawatan lebih mahal bagaimanapun saya amat bersetuju untuk tuntutan mudah diserap ke jawatan, dinaikkan gaji, dipendekkan waktu kerja dan diberi cuti lebih lama kepada doktor kontrak," katanya ketika ditemui di sebuah hospital.

Seorang lagi doktor kontrak dikenali sebagai Dr Siti, 30, berkata, keadaan tekanan yang dialami doktor-doktor kontrak di negeri luar dari Kelantan seperti Selangor dan Negeri Sembilan mungkin lebih teruk kerana faktor kos sara hidup.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK), Datuk Dr Zaini Hussin berkata, sehingga kini terdapat 1,494 doktor kontrak yang berkhidmat di hospital dan klinik kesihatan di negeri ini.

"Perkhidmatan kesihatan di Kelantan tidak terjejas dan berjalan lancar pada hari ini (Rabu).

"Tidak ada mogok dilakukan sama ada cuti sakit atau kecemasan dibuat," katanya.



Operasi kesihatan di sebuah hospital di Kota Bharu berjalan lancar tanpa sebarang mogok.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 23
RUANGAN : NASIONAL

# Khairul Aming jawab isu sambal hijau "tak sihat"

## Berkenaan teguran Dr Rafidah berhubung isu minyak masak berlebihan dalam masakan

Oleh NUR IFTITAH ROZLAN
SHAH ALAM

Pempengaruh masakan, Khairul Amin Kamarulzaman atau Khairul Aming tampil menjawab teguran pakar perubatan, Dr Rafidah Abdullah terhadap masakannya yang dikatakan tidak sihat disebabkan penggunaan minyak yang banyak.

Usahawan muda itu menerusi perkongsian video di Instagram berkata, sebagai penghasil kandungan, beliau bertanggungjawab mempamerkan realiti sebenar cara penyediaan sesuatu masakan.

Ujarnya, bagi mereka yang jarang memasak di rumah akan menganggap kuantiti bahan asas ditunjukkan adalah berlebihan, sedangkan ia sama sahaja seperti di kedai makan.

"Kalau kalian tidak biasa masak, terus pergi beli di kedai makan, kalian tidak rasa bersalah sangat. Tetapi apabila saya tunjuk video masak, orang komen banyak minyak, (sedangkan) sebenarnya sama sahaja macam di kedai makan.

"Cuma kita tidak sedar sebab kita tak pernah masak benda (masakan) tersebut. Namun, apabila saya tunjukkan cara penyediaannya, sekurang-kurangnya kalian boleh sedar (tentang perkara ini) lebih awal dan membuat pilihan sendiri sebelum nak pilih makanan," katanya pada Isnin.



Sambal hijau disediakan Khairul Aming mendapat teguran daripada Dr Rafidah kerana menggunakan minyak yang banyak.

Sebelum itu, tular di Twitter apabila Dr Rafidah menasihati Khairul Aming untuk mengurangkan penggunaan minyak dalam masakan dan memperbanyakkan resipi masakan yang sihat.

Beliau gusar penggunaan minyak masak yang banyak mampu mempengaruhi kesihatan masyarakat Malaysia yang rata-rata mengikuti perkembangan Khairul Aming menerusi video masakan 30 hari, 30 resipi bersempena bulan Ramadan.

Menjawab teguran segelintir pihak yang meminta beliau mengurangkan minyak dan menggantikan bahan sedia ada dengan yang lebih sihat, Khairul Aming menjelaskan, tindakan itu boleh dilakukan tetapi ia akan mengubah tahap kesedapan masakan tersebut.

"Kita boleh buat semua itu (ubah), kita boleh kurangkan minyak, tukar resipi dan bahan tetapi ia akan jadi tak sedap macam yang asli. Itu sahaja sebenarnya.

"Kalau nak sambal yang sedap, kita kena masak dalam minyak yang banyak supaya ia pecah minyak. Kalau nak ayam goreng yang berair dan rangup, kena goreng dalam minyak yang banyak. Itulah cara ia disediakan. Kalau nak ubah boleh, tapi jadi tak sedap macam yang asal," ujarnya.

